

22/06/1998

Negeri juga sedia keluarkan senarai

KUALA LUMPUR, Ahad, - Beberapa Menteri Besar menyuarakan kesediaan mendedahkan nama dan pemilik syarikat yang mendapat projek penswastaaan di negeri masing-masing selaras langkah kerajaan berbuat demikian.

Mereka sependapat langkah itu dapat membuktikan tiada apa yang hendak disorokkan oleh kerajaan negeri dan tiada amalan nepotisme atau kronisme dalam pemberian sebarang projek.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata seperti Kerajaan Pusat, semua projek penswastaaan yang diberikan kerajaan negeri juga berdasarkan penilaian tertentu dan bukan kepada kumpulan tertentu atau pihak yang rapat dengan pucuk kepimpinan negara.

"Ketelusan kerajaan itu sekali gus memberi penjelasan bahawa nepotisme atau kapitalisme suku-sakat yang disebut pihak tertentu, tidak berlaku di kalangan pucuk pimpinan kerajaan.

"Kita berharap langkah kerajaan ini memuaskan hati semua ahli Umno dan tidak patut menimbulkan perkara ini pada masa akan datang," katanya mengulas langkah kerajaan mendedahkan individu dan syarikat yang mendapat projek penswastaaan kerajaan.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata beliau tidak menghadapi masalah untuk berbuat demikian bagi membolehkan orang ramai, khususnya rakyat Johor turut mengetahui individu atau syarikat yang mendapat manfaat melalui projek penswastaaan itu.

"Saya akan bermesyuarat minggu depan dan perkara ini akan turut dibincangkan. Kita akan menyediakan senarai lengkap projek penswastaaan di Johor dan mereka yang memperolehi projek berkenaan.

"Malah, tindakan ini wajar diteruskan di masa depan kerana selain mengikuti langkah Kerajaan Pusat, ia juga secara langsung menjadi bukti bahawa kita adalah kerajaan yang telus dan terbuka," katanya.

Abdul Ghani berkata, pendedahan itu yang menyenaraikan nama syarikat dan individu terbabit juga membuktikan ramai Bumiputera yang mendapat faedah daripada pelaksanaan projek itu.

Diminta mengulas kenyataan segelintir pihak bahawa senarai itu masih belum lengkap kerana tidak memasukkan butiran mengenai sumber kewangan yang diperolehi, beliau berkata orang ramai boleh mendapat maklumat daripada pihak Pendaftar Syarikat (ROC).

Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaacob, berkata Umno Pahang berpuas hati dengan pendedahan senarai penerima 171 projek penswastaaan dan penerima saham kerana ia membuktikan wujudnya ketelusan dalam agenda pengurusan Umno.

"Senarai itu membuktikan ketelusan pengurusan Umno. Saya lihat tidak ada pihakpun yang menerima kontrak atau saham yang lebih daripada sepatutnya.

"Anggapan ada pihak yang memonopoli kontrak tidak timbul kerana didapati ia diagihkan dengan adil," katanya.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid, berkata langkah kerajaan itu wajar tetapi senarai lebih terperinci perlu bagi membuktikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad benar-benar adil.

Menurutnya, Kedah juga bersedia mengeluarkan senarai yang sama bagi membuktikan ketelusan pimpinan kerajaan negeri berhubung projek penswastaaan.

(END)